

Lengkapkan ayat dengan menggunakan **kata ganti nama diri kedua** yang betul.

kamu	engkau	awda
tuanku	kalian	awak

- a. "_____ perlu berhati-hati semasa menunggang basikal," kata Hajah Maimun kepada anaknya.
- b. "Minta izin daripada ibu bapa _____ sebelum keluar dari rumah," pesan Cikgu Aziz kepada murid-muridnya.
- c. "Ampun _____. Patik berjanji akan menjaga keselamatan negara," sembah Laksamana Hasan kepada sultan.
- d. "Dadah musuh kita. Oleh itu, jauhkan diri _____ daripada dadah," kata penceramah itu kepada para peserta.
- e. "Ya, Tuhanku! Kepada _____lah aku berserah," doa Haji Zahid.
- f. "Janganlah _____ berebut-rebut semasa menaiki bas," kata Haris kepada kawan-kawannya.